



30 Disember 2024  
30 December 2024  
P.U. (A) 463

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN (WANG ELEKTRONIK MAKSUD TERHAD) (PENGEQUALIAN) 2024

### *FINANCIAL SERVICES (LIMITED PURPOSE ELECTRONIC MONEY) (EXEMPTION) ORDER 2024*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013  
PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN  
(WANG ELEKTRONIK MAKSUD TERHAD) (PENGECUALIAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 263 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*], Menteri, atas syor Bank, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perkhidmatan Kewangan (Wang Elektronik Maksud Terhad) (Pengecualian) 2024**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 2 Januari 2025.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini, “liabiliti wang elektronik maksud terhad yang belum dijelaskan” ertinya—

(a) amaun wang elektronik maksud terhad belum digunakan yang telah dikeluarkan; dan

(b) amaun wang elektronik maksud terhad yang digunakan yang belum selesai pembayarannya kepada saudagar.

**Pengecualian**

3. Tertakluk pada perenggan 4, Menteri mengecualikan mana-mana orang yang mengeluarkan apa-apa kategori dan kriteria wang elektronik maksud terhad sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual, dalam perjalanan perniagaannya, daripada pemakaian perenggan 8(1)(b) dan seksyen 11 Akta bagi maksud mendapatkan kelulusan daripada Bank untuk menjalankan apa-apa perniagaan yang diluluskan.

**Syarat pengecualian**

4. (1) Pengecualian di bawah perenggan 3 adalah tertakluk pada syarat yang berikut:

- (a) berhubung dengan kategori wang elektronik maksud terhad yang disenaraikan di bawah butiran 1 Jadual, orang yang mengeluarkan wang elektronik maksud terhad itu hendaklah—
- (i) mematuhi semua kehendak di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [*Akta 709*] dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta itu;
  - (ii) mengadakan pendedahan yang jelas dan ketara kepada pengguna atau pengguna yang berpotensi bahawa perniagaan pengeluaran wang elektronik maksud terhadnya tidak tertakluk pada kehendak yang terpakai bagi suatu pengeluar wang elektronik yang diluluskan oleh Bank di bawah seksyen 11 Akta;
  - (iii) mengadakan suatu mekanisme aduan dan penyelesaian pertikaian kepada pengguna atau pengguna yang berpotensi;
  - (iv) mengemukakan kepada Bank pada setiap tahun suatu pemberitahuan dan aku janji bahawa wang elektronik maksud terhad yang dikeluarkan itu memenuhi kriteria sebagaimana yang disenaraikan dalam ruang (3) Jadual;
  - (v) mengemukakan kepada Bank pada setiap tahun maklumat perangkaan yang disahkan oleh juruaudit luar mengenai perniagaan pengeluaran wang elektronik maksud terhadnya, termasuk jumlah liabiliti wang elektronik maksud terhad yang belum dijelaskan, bilangan pengguna berdaftar dan pengguna aktif, jumlah transaksi wang elektronik maksud terhad, jumlah nilai transaksi wang elektronik maksud terhad dan apa-apa maklumat lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank; dan

- (vi) memudahkan pemindahan apa-apa amaun dana yang tersimpan dalam akaun seseorang pengguna wang elektronik maksud terhad yang dibuka dengan orang yang mengeluarkan wang elektronik maksud terhad itu ke dalam mana-mana akaun bank pengguna itu;
- (b) berhubung dengan kategori wang elektronik maksud terhad yang disenaraikan di bawah butiran 2 Jadual, orang yang mengeluarkan wang elektronik maksud terhad itu hendaklah—
- (i) mematuhi semua kehendak di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta itu;
  - (ii) mengadakan pendedahan yang jelas dan ketara kepada pengguna atau pengguna yang berpotensi bahawa perniagaan pengeluaran wang elektronik maksud terhadnya tidak tertakluk pada kehendak yang terpakai bagi suatu pengeluar wang elektronik yang diluluskan oleh Bank di bawah seksyen 11 Akta;
  - (iii) mengadakan suatu mekanisme aduan dan penyelesaian pertikaian kepada pengguna atau pengguna yang berpotensi; dan
  - (iv) tertakluk pada terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh orang yang mengeluarkan wang elektronik maksud terhad itu, memudahkan pemindahan apa-apa amaun dana yang tersimpan dalam akaun seseorang pengguna wang elektronik maksud terhad yang dibuka dengan orang yang mengeluarkan wang elektronik maksud terhad itu ke dalam mana-mana akaun bank pengguna itu;

- (c) berhubung dengan kategori wang elektronik maksud terhad yang disenaraikan di bawah butiran 3 Jadual, orang yang mengeluarkan wang elektronik maksud terhad itu hendaklah—
- (i) mematuhi semua kehendak di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta itu;
  - (ii) mengadakan pendedahan yang jelas dan ketara kepada pengguna atau pengguna yang berpotensi bahawa perniagaan pengeluaran wang elektronik maksud terhadnya tidak tertakluk pada kehendak yang terpakai bagi suatu pengeluaran wang elektronik yang diluluskan oleh Bank di bawah seksyen 11 Akta;
  - (iii) mengadakan suatu mekanisme aduan dan penyelesaian pertikaian kepada pengguna atau pengguna yang berpotensi; dan
  - (iv) memudahkan pemindahan apa-apa amaun dana yang tersimpan dalam akaun seseorang pengguna wang elektronik maksud terhad yang dibuka dengan orang yang mengeluarkan wang elektronik maksud terhad itu ke dalam mana-mana akaun bank pengguna itu; dan
- (d) berhubung dengan kategori wang elektronik maksud terhad yang disenaraikan di bawah butiran 4 Jadual, orang yang mengeluarkan wang elektronik maksud terhad tersebut hendaklah—
- (i) mematuhi semua kehendak di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta itu;

- (ii) mengadakan pendedahan yang jelas dan ketara kepada pengguna atau pengguna yang berpotensi bahawa perniagaan pengeluaran wang elektronik maksud terhadapnya tidak tertakluk pada kehendak yang terpakai bagi suatu pengeluar wang elektronik yang diluluskan oleh Bank di bawah seksyen 11 Akta;
  - (iii) mengadakan suatu mekanisme aduan dan penyelesaian pertikaian kepada pengguna atau pengguna yang berpotensi; dan
  - (iv) tertakluk pada terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh orang yang mengeluarkan wang elektronik maksud terhadap itu, memudahkan pemindahan apa-apa amaun dana yang tersimpan dalam akaun seseorang pengguna wang elektronik maksud terhadap yang dibuka dengan orang yang mengeluarkan wang elektronik maksud terhadap itu ke dalam mana-mana akaun bank pengguna itu.
- (2) Bagi maksud perenggan ini—
- (a) “pengguna aktif” ertinya pengguna yang melakukan sekurang-kurangnya satu transaksi setiap bulan untuk membuat pembayaran atau pemindahan dana menggunakan wang elektronik maksud terhadap atau untuk mengisi semula akaun wang elektronik maksud terhadap;
  - (b) “akaun bank” ertinya suatu akaun bank pengguna yang dibuka dengan—
    - (i) suatu bank berlesen di bawah Akta;

- (ii) suatu bank Islam berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*]; atau
- (iii) suatu institusi yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*].

### **Pemberhentian pengecualian**

5. (1) Perintah ini hendaklah terhenti terpakai sekiranya orang itu—

- (a) gagal untuk mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan di bawah perenggan 4;
- (b) telah disabitkan atas suatu kesalahan jenayah yang berhubungan dengan fraud; atau
- (c) disyaki oleh Bank telah melakukan suatu kesalahan jenayah yang berhubungan dengan fraud.

(2) Bagi maksud pemberhentian Perintah ini di bawah subsubperenggan (1)(a) dan (c), Menteri hendaklah melalui notis secara bertulis menghendaki orang itu, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyampaian notis itu, untuk menunjukkan sebab secara bertulis mengapa Perintah ini tidak patut terhenti terpakai baginya.

(3) Menteri boleh menghentikan pemakaian Perintah ini jika—

- (a) orang itu telah gagal untuk mematuhi notis yang disampaikan kepadanya di bawah subperenggan (2); atau
- (b) Menteri tidak berpuas hati dengan sebab-sebab yang dikemukakan oleh orang itu sebagaimana yang dikehendaki di bawah subperenggan (2).

JADUAL  
[Perenggan 3 dan 4]

Kategori wang elektronik maksud terhad

(1) Bil.	(2) Kategori	(3) Kriteria
1.	Kategori 1 (Bagi maksud pembelian barangan atau perkhidmatan)	<p><i>(a)</i> Wang elektronik yang boleh digunakan semata-mata bagi pembelian barangan atau perkhidmatan dalam suatu premis tunggal atau suatu rangkaian perniagaan tunggal di bawah suatu jenama tunggal yang beroperasi di Malaysia</p> <p><i>(b)</i> Wang elektronik yang mempunyai purata harian liabiliti wang elektronik maksud terhad yang belum dijelaskan dan nilai purata transaksi bulanan yang dikendalikan oleh penggunaanya bagi suatu tahun tertentu yang masing-masing tidak melebihi RM1,000,000 bagi setiap pengeluaran</p> <p><i>(c)</i> Wang elektronik yang mempunyai had dompet (nilai monetari maksimum yang boleh disimpan dalam suatu wang elektronik) tidak melebihi RM500 bagi setiap pengguna</p>
2.	Kategori 2 (Bagi maksud penyimpanan ganjaran)	<p><i>(a)</i> Wang elektronik yang dikeluarkan sebagai ganjaran yang dibiayai oleh mana-mana orang yang di bawah suatu perkiraan dengan pengeluaran itu</p>

(1) Bil.	(2) Kategori	(3) Kriteria
		<p><i>(b)</i> Wang elektronik yang boleh digunakan semata-mata bagi pembelian barangan atau perkhidmatan daripada mana-mana orang selain daripada pembiaya itu</p> <p><i>(c)</i> Wang elektronik yang disimpan dalam akaun yang berasingan daripada akaun wang elektronik pengguna</p>
3.	Kategori 3 (Bagi maksud pemulangan dana kepada pengguna)	<p><i>(a)</i> Wang elektronik yang digunakan bagi maksud memulangkan dana kepada pengguna oleh seseorang pengeluar atau bagi pihak mana-mana orang lain di bawah suatu perkiraan dengan pengeluar itu</p> <p><i>(b)</i> Wang elektronik yang boleh digunakan semata-mata bagi pembelian barangan atau perkhidmatan daripada mana-mana orang di bawah suatu perkiraan dengan pengeluar itu</p>
4.	Kategori 4 (Dikeluarkan oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi)	<p><i>(a)</i> Wang elektronik yang dikeluarkan oleh pengeluar yang merupakan penyedia perkhidmatan telekomunikasi</p> <p><i>(b)</i> Wang elektronik yang boleh digunakan semata-mata bagi pembelian barangan atau perkhidmatan digital daripada mana-mana orang yang di bawah suatu</p>

(1) Bil.	(2) Kategori	(3) Kriteria
		<p>perkiraan dengan pengeluar itu, jika barangan atau perkhidmatan digital itu—</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) mempunyai nilai yang rendah;</li> <li>(ii) yang berhubungan dengan aplikasi terhad untuk muzik, video, perisian, permainan atau nada dering; dan</li> <li>(iii) dibayar oleh, dihantar kepada dan digunakan oleh, pengguna, melalui mana-mana peranti telekomunikasi</li> </ul>

Dibuat 23 Disember 2024

[MOF.SID(S)700-1/2/49 (SK.1): BNM/JUN/1125/50/01; PN(PU2)718/JLD.7]

DATUK SERI AMIR HAMZAH BIN AZIZAN  
*Menteri Kewangan II*

## FINANCIAL SERVICES ACT 2013

FINANCIAL SERVICES (LIMITED PURPOSE ELECTRONIC MONEY)  
(EXEMPTION) ORDER 2024

IN exercise of the powers conferred by section 263 of the Financial Services Act 2013 [Act 758], the Minister, on the recommendation of the Bank, makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Financial Services (Limited Purpose Electronic Money) (Exemption) Order 2024**.

(2) This Order comes into operation on 2 January 2025.

**Interpretation**

2. In this Order, “outstanding limited purpose electronic money liabilities” means—

(a) the unutilised amount of limited purpose electronic money which has been issued; and

(b) the utilised amount of limited purpose electronic money which is pending payment to merchants.

**Exemption**

3. Subject to paragraph 4, the Minister exempts any person who issues any category and criteria of limited purpose electronic money as listed in the Schedule, in the course of carrying on its business, from the application of paragraph 8(1)(b) and section 11 of the Act for the purpose of obtaining approval from the Bank to carry on any approved business.

**Conditions for exemption**

4. (1) The exemption under paragraph 3 is subject to the following conditions:

- (a) in relation to the category of limited purpose electronic money listed under item 1 of the Schedule, the person who issues such limited purpose electronic money shall—
- (i) comply with all requirements under the Personal Data Protection Act 2010 [Act 709] and the subsidiary legislation made under that Act;
  - (ii) provide clear and prominent disclosures to users or potential users that its business of issuing limited purpose electronic money shall not subject to the requirements applicable to an issuer of electronic money approved by the Bank under section 11 of the Act;
  - (iii) provide a mechanism for complaints and dispute resolution to users or potential users;
  - (iv) submit to the Bank on an annual basis a notification and undertaking that the limited purpose electronic money issued satisfies the criteria as listed in column (3) of the Schedule;
  - (v) submit to the Bank on an annual basis statistical information which is attested by an external auditor on its business of issuing limited purpose electronic money, including total outstanding limited purpose electronic money liabilities, number of registered users and active users, total limited purpose electronic money transactions, total limited purpose electronic money transaction value and any other information as specified by the Bank; and
  - (vi) facilitate the transfer of any amount of stored funds in the user's limited purpose electronic money account opened

with the person who issues the limited purpose electronic money into any bank account of the user;

*(b)* in relation to the category of limited purpose electronic money listed under item 2 of the Schedule, the person who issues such limited purpose electronic money shall—

(i) comply with all requirements under the Personal Data Protection Act 2010 and the subsidiary legislation made under that Act;

(ii) provide clear and prominent disclosures to users or potential users that its business of issuing limited purpose electronic money shall not subject to the requirements applicable to an issuer of electronic money approved by the Bank under section 11 of the Act;

(iii) provide a mechanism for complaints and dispute resolution to users or potential users; and

(iv) subject to the terms and conditions as determined by the person who issues the limited purpose electronic money, facilitate the transfer of any amount of stored funds in the user's limited purpose electronic money account opened with the person who issues the limited purpose electronic money into any bank account of the user;

*(c)* in relation to the category of limited purpose electronic money listed under item 3 of the Schedule, the person who issues such limited purpose electronic money shall—

- (i) comply with all requirements under the Personal Data Protection Act 2010 and the subsidiary legislation made under that Act;
  - (ii) provide clear and prominent disclosures to users or potential users that its business of issuing limited purpose electronic money shall not subject to the requirements applicable to an issuer of electronic money approved by the Bank under section 11 of the Act;
  - (iii) provide a mechanism for complaints and dispute resolution to users or potential users; and
  - (iv) facilitate the transfer of any amount of stored funds in the user's limited purpose electronic money account opened with the person who issues the limited purpose electronic money into any bank account of the user; and
- (d) in relation to the category of limited purpose electronic money listed under item 4 of the Schedule, the person who issues such limited purpose electronic money shall—
- (i) comply with all requirements under the Personal Data Protection Act 2010 and the subsidiary legislation made under that Act;
  - (ii) provide clear and prominent disclosures to users or potential users that its business of issuing limited purpose electronic money shall not subject to the requirements applicable to an issuer of electronic money approved by the Bank under section 11 of the Act;

- (iii) provide a mechanism for complaints and dispute resolution to users or potential users; and
  - (iv) subject to the terms and conditions as determined by the person who issues the limited purpose electronic money, facilitate the transfer of any amount of stored funds in the user's limited purpose electronic money account opened with the person who issues the limited purpose electronic money into any bank account of the user.
- (2) For the purposes of this paragraph—
- (a) “active user” means a user who conducts at least one transaction per month to make payment or funds transfer using limited purpose electronic money or to reload the limited purpose electronic money account;
  - (b) “bank account” means a bank account of the user opened with—
    - (i) a licensed bank under the Act;
    - (ii) a licensed Islamic bank under the Islamic Financial Services Act 2013 [*Act 759*]; or
    - (iii) a prescribed institution under the Development Financial Institutions Act 2002 [*Act 618*].

**Cessation of exemption**

5. (1) This Order shall cease to apply if such person—
- (a) failed to comply with any condition imposed under paragraph 4;
  - (b) has been convicted of a criminal offence relating to fraud; or

(c) is suspected by the Bank to have committed a criminal offence relating to fraud.

(2) For the purposes of cessation of this Order under subparagraphs (1)(a) and (c), the Minister shall by notice in writing require such person, within thirty days from the date of service of the notice, to show cause in writing as to why this Order should not cease to apply to him.

(3) The Minister may cease the application of this Order if—

(a) such person has failed to comply with the notice served on him under subparagraph (2); or

(b) the Minister is not satisfied with the reasons submitted by such person as required under subparagraph (2).

#### SCHEDULE

[Paragraphs 3 and 4]

#### Category of limited purpose electronic money

(1) No.	(2) Category	(3) Criteria
1.	Category 1 (For the purpose of purchasing goods or services)	<p>(a) Electronic money which can solely be used for the purchase of goods or services within a single premises or a single business network under a single brand operating in Malaysia</p> <p>(b) Electronic money which has an average daily outstanding limited purpose electronic money liabilities and an average</p>

(1) No.	(2) Category	(3) Criteria
		<p>monthly transaction value conducted by its users for the particular year that respectively does not exceed RM1,000,000 for each issuer</p> <p><i>(c)</i> Electronic money which has a wallet limit (the maximum monetary value that can be stored in an electronic money) not exceeding RM500 per user</p>
2.	Category 2 (For the purpose of storing rewards)	<p><i>(a)</i> Electronic money which is issued as rewards funded by any person who is under an arrangement with the issuer</p> <p><i>(b)</i> Electronic money which can solely be used for the purchase of goods or services from any person other than the fund provider</p> <p><i>(c)</i> Electronic money which is stored in an account which is separated from the user's electronic money account</p>
3.	Category 3 (For the purpose of refunding the user)	<p><i>(a)</i> Electronic money which is used for the purpose of refunding the user by the issuer or on behalf of any other person who is under an arrangement with the issuer</p> <p><i>(b)</i> Electronic money which can solely be used for the purchase of goods or services from</p>

(1) No.	(2) Category	(3) Criteria
		any person who is under an arrangement with the issuer
4.	Category 4 (Issued by a telecommunication service provider)	<p><i>(a)</i> Electronic money which is issued by an issuer which is a telecommunication service provider</p> <p><i>(b)</i> Electronic money which can solely be used for the purchase of digital goods or services from any person who is under an arrangement with the issuer, where the digital goods or services—</p> <p><i>(i)</i> have low value;</p> <p><i>(ii)</i> relating to applications limited for music, video, software, games or ringtones; and</p> <p><i>(iii)</i> are paid by, delivered to and used by, the user, through any telecommunication device</p>

Made 23 December 2024

[MOF.SID(S)700-1/2/49 (SK.1): BNM/JUN/1125/50/01; PN(PU2)718/JLD.7]

DATUK SERI AMIR HAMZAH BIN AZIZAN  
*Finance Minister II*